

Headline **Kronologi Internet di Malaysia**
Date **05 Sep 2009**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Yo!**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **3,933**

Language **Malay**
Page No **9**
Article Size **199 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **11,799**



Kronologi Internet di Malaysia

NEGARA mula menerima kehadiran internet sekitar tahun 1987 ketika zaman pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Rangkaian Komputer Malaysia (Rangkom) telah ditubuhkan dan ditempatkan di universiti-universiti tempatan dengan menghubungkan kemudahan capaian antarabangsa.

Melalui penglibatan dari pihak swasta internet terus berkembang dengan pesatnya.


JARING telah dilancarkan pada tahun 1991 yang bertujuan untuk membangunkan rangkaian komunikasi negara secara bersepadu dan menyeluruh.

MIMOS telah dilantik untuk mengendalikan projek rangkaian JARING sebagai projek pembangunan utama dalam Rancangan Malaysia Keenam (RMK-6).

Perancangan dan pelaksanaan

yang jitu telah ditunjukkan oleh kerajaan dengan menghubungkan JARING kepada semua institusi awam dan swasta negara.

Berpunca daripada inilah perkembangan internet negara berkembang dengan pesatnya.



KEMUDAHAN
Internet mula diperkenalkan pada zaman pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad. - Gambar hiasan